

MAHATHIR - HUBUNGAN

DARI HAMZAH SULAIMAN

1983

PARIS, 26 SEPT (BERNAMA) -- MALAYSIA PERLU MEMPELBAGAIKAN HUBUNGAN DENGAN DUNIA LUAR BAGI MENINGKATKAN KEUPAYAANNYA MENGINDBANGKAN KEDUDUKAN DENGAN LAIN-LAIN NEGARA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI, YANG KINI BERCUTI DUA MINGGU DI EROPAH, BERNAMA DI SINI BAHAWA HUBUNGAN YANG TERLALU BERGANTUNG KEPADA NEGARA TERTEUTU SEPERTI UNITED KINGDOM, AMERIKA SYARIKAT ATAU JEPUN MAMAKIN MENGAKIBATKAN NEGARA-NEGARA ITU ANTARA LAIN MEMPENGARUHI EKONOMI DAN POLITIK MALAYSIA.

BERUCAP KEPADA RAKYAT MALAYSIA DI KEDIAMAN DUTA BESAR MALAYSIA DI SINI MALAM TADI, BELIAU BERKATA DENGAN SEBAB ITULAH MALAYSIA PERLU MENINGKATKAN HUBUNGANNYA DENGAN PERANCIS DENGAN CARA YANG MEMBERI MANFAAT KEPADA KEDUA-DUA BUAH NEGARA.

DALAM HUBUNGAN INI, TAMBAHNYA, EKSPORT MALAYSIA KE PERANCIS KURANG DARIPADA IMPORTNYA DAN DENGAN ITU NEGARA PERLU MENINGKATKAN EKSPORT WALAUPUN MENGHADAPI KESULITAN KERANA ADANYA DASAR PERANCIS YANG MEMPERTAHANKAN PASARAN BARANGANNYA.

JIKA PERANCIS MAHU MENGADAKAN HUBUNGAN YANG BERMAKNA IA MESTILAH JUGA MEMBUKA PASARANNYA KEPADA MALAYSIA; TEGAS PERDANA MENTERI. -- LAGI 1821/MK

ZCZC 8634

MAHATHIR - HUBUNGAN 2 PARIS

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA PASARAN YANG DIMAMBUKKAN BUKAN LAGI SEMATA-MATA BAGI BARANGAN MENTAH SEPERTI GETAH, BEJER, TIMAH DAN KELAPA SAWIT TETAPI JUGA BARANG-BARANG PENGELUARAN YANG LAIN SEPERTI BARANG-BARANG PEMBUATAN.

BELIAU BERHARAP PADA MASA AKAN DATANG MALAYSIA AKAN MEMPUNYAI LEBIH BANYAK BARANG PEMBUATAN UNTUK DIEKSPORT KE SINI BAGI MENAMBAH KEMASUKAN TUKARAN ASING.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAKUI YANG TARAF HIDUP DI MALAYSIA ADALAH JAUH LEBIH RENDAH DARIPADA PERANCIS TETAPI INI, KATANYA, TIDAK BERMAKNA YANG PERKARA ITU TIDAK BOLEH DIUBAH KERANA IA LEBIH BERGANTUNG PADA DAYA PENGELUARAN RAKYAT SENDIRI.

+JIKA RAKYAT RAJIN BERUSAHA MENGELUARKAN LEBIH BANYAK BARANG PERDAGANGAN KITA AKAN DAPAT MENERIMA LEBIH BANYAK KEKAYAAN YANG MEMB-  
AWA KEPADA PENINGKATAN TARAF HIDUP,+ KATANYA.

BELIAU SEKALI MINGINGATKAT RAKYAT SUPAYA LEBIH KUAT DAN RAJIN BERUSAHA DALAM MENCAPAI MATLAMAT ITU. -- LAGI 1826/MK

MAHATHIR - HUBUNGAN 3 PARIS

PERDANA MENTERI MENASIHATKAN RAKYAT MALAYSIA DI SEBERANG LAUT, SAMA ADA KAKITANGAN KEDUTAAN ATAU PELAJAR, SUPAYA TEKUN BEKERJA DAN BELAJAR BERUSAHA UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN DI SAMPING BERTANGGUNGJAWAB MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI DUTA MENJAGA IMEJ NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU AKAN MELAKUKAN LAWATAN RASMI KE PERANCIS AWAL TAHUN DEPAN.

HADIR SAMA DALAM PERJUMPAAN ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, MENTERI PELAJARAN DATUK DR SULAIMAN DAUD, TIMBALAN MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS DATUK HAJI SUHAIMI KAMARUDDIN, DUTA BESAR TAN SRI ABDUL RAHMAN JALAL DAN WAKIL TETAP MALAYSIA KE UNESCO TAN SRI HAMDAN SHEIKH TAHIR.

PERDANA MENTERI BERLEPAS KE LONDON HARI INI DALAM PERJALANAN PULANG KE TANAH AIR. -- BERNAMA 1829/MK